

Sekat bank, potong wang dari akaun bekas suami

PUTRAJAYA - Persatuan Wanita dan Ibu Tunggal Nur Iman Kuala Lumpur dan Selangor (Witus) sambut baik cadangan kerajaan menguatkuasakan tindakan sekatan bank ke atas bekas suami jika mendapati mengabaikan perintah bayaran nafkah kepada bekas isteri yang diceraikan.

Presidennya, Sheila Tukiman berkata, langkah itu disokong 300 peratus meskipun kaedah sekatan yang akan dilaksanakan belum diperjelas menteri berkenaan.

Menurutnya, isu tunggakan nafkah kepada bekas isteri semangannya menjadi masalah majoriti wanita yang bercerai kerana ramai bekas suami cuba lari daripada tanggungjawab memberi nafkah.

"Hampir semua ibu tunggal berdepan masalah ini, meskipun mahkamah telah mengeluarkan perintah jumlah nafkah perlu diberi kepada bekas isteri untuk urusan anak-anak.

"Puas dijejaki, ramai masih ing-

GAGAL BAYAR NAFKAH

kar malah walaupun mahkamah memerintahkan potongan gaji dibuat, ada bekas suami sanggup berhenti kerja bagi mengelak potongan ke atas gaji mereka," katanya, semalam.

Menurutnya, sekatan bank yang boleh dilaksanakan adalah dengan kaedah memotong terus dari akaun bank bekas suami untuk disalurkan kepada akaun bekas isteri.

"Pihak berkuasa perlu melaksanakan jaringan kerjasama dengan pihak bank untuk tindakan ini, dan ia dilihat kaedah efektif membela nasib golongan wanita," tegasnya.

Menurutnya, paling mustahak, sekatan bank itu perlu dilaksanakan seawal mungkin selepas kes cerai difailkan di mahkamah, bukan sehingga selesai proses perbicaraan tuntutan nafkah.



SHEILA

"Ini kerana proses perbicaraan ambil masa terlalu lama, bertahun-tahun dan ada sehingga 10 tahun.

"Dalam tempoh perbicaraan pula, wanita terpaksa melalui detik sukar, malah ada juga yang sudah 'move on', mula bekerja dan berniaga kerana sudah berhenti berharap daripada mendapat

hak mereka," katanya.

Sebelum ini, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Muja-hid Yusof Rawa berkata, bekas suami yang gagal membayar nafkah kepada anak dan bekas isteri bakal berdepan tindakan sekatan bank.

Menurutnya, pihaknya bersama Jabatan Kehakiman Syariah Negeri (JKSN) telah mengadakan perbincangan untuk melaksanakan tindakan berkenaan dalam usaha memperkasakan penguatkuasaan terhadap mereka yang ingkar perintah mahkamah.

Enakmen baharu perlu diwujudkan

KUALA LUMPUR - Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang (JHEAIN-PP) tidak boleh ambil sebarang tindakan terhadap beberapa individu yang mengedar kitab Bible di hadapan sebuah sekolah menengah di Bukit Mertajam, Pulau Pinang, minggu lalu.

Bekas Ketua Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), Tan Sri Sheikh Ghazali Abdul Rahman berkata, ini kerana tiada peruntukan digariskan di negeri berkenaan bagi menghalang perbuatan tersebut.

Menurutnya, JHEAIPP hanya boleh melakukan siasatan, namun tindakan tidak boleh dibuat.



SHAMRAHAYU

"Atas peruntukan undang-undang apa hendak digunakan bagi mendakwa mereka?"

"Sebab itu, Enakmen Kawalan Agama Bukan Islam ini penting diwujudkan di semua



SHEIKH GHAZALI

negeri kerana ingin memastikan tidak berlaku perbuatan seperti ini terhadap orang Islam," katanya yang dipetik dalam laporan sebuah media tempatan, semalam.

Sementara itu, pakar per-

lembagaan, Prof Madya Dr Shamrahayu Abdul Aziz berkata, enakmen tersebut amat penting kerana perkara berkaitan dengan penyebaran agama adalah isu yang amat sensitif di negara ini, selain kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan.

Atas sebab itu katanya, kerajaan Persekutuan perlu membawa usul tersebut ke Parlimen dengan segera kerana Wilayah Persekutuan bukan sebuah negeri dan tidak mempunyai Dun.

Beliau berkata, tiga kerajaan negeri iaitu Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak pula bertanggungjawab melakukan tindakan sama di Dun masing-masing.